

November 7, 2023

# FPHP BULLETIN HOT & TOUR

NEWSLETTER VOL. 2/2023

*"Together, We Make it Great!"*

## FPHP 2023 EVENTS & ACTIVITIES

ACADEMIC TRIP TO UNESCO WORLD  
HERITAGE SITE IN GEORGETOWN, PENANG

Knowledge Transfer on Food and Beverage  
Industry by Mandarin Hotel Doha, Qatar

Kursus Etika di Meja Makan

## 2023 HIGHLIGHTS

### HADRAH 7.0

PERTANDINGAN

'BATTLE OF EMPOWER BARISTA ART'

Afternoon Tea: A Timeless Tradition  
(HTP283- Cafe Service Operation)



Faculty of Hotel & Tourism Management

Universiti Teknologi MARA

Cawangan Pulau Pinang

13500 Permatang Pauh, PENANG

Tel: 04 3823888 Fax: 04 3823861

HOT & TOUR NEWSLETTER

NOV. VOL. 2/2023

<https://anyflip.com/homepage/oistf>

[https://is.gd/fphpnewsletter\\_penanguitm](https://is.gd/fphpnewsletter_penanguitm)

ISSN 2231-7422

## *Pertandingan 'Battle of Empower Barista Art'*

Oleh: Norhamizan Hamir (Dr.), Norliana Hashim, Ashraf Siddik Khan Abdul Rahim Siddiqe & Ahmad Hidayat Ahmad Ridzuan

Kesinambungan daripada kursus asas barista dan pengurusan kafe yang telah dijalankan bersama North Corridor Empower Region (NCER) pada pertengahan tahun lepas, sekali lagi pihak NCER telah mencetuskan idea untuk mengadakan pertandingan 'Battle of Empower Barista Art'. Pertandingan ini melibatkan semua peserta yang telah mengikuti kursus asas barista dan pengurusan kafe yang telah di jalankan di Fakulti Pengurusan Hotel dan Pelancongan (FPHP) UiTM Cawangan Pulau Pinang

Pertandingan ini telah diadakan di kafe He & She di UiTM Cawangan Pulau Pinang pada 21 Mei 2023. Seramai empat orang peserta telah terpilih untuk bertanding pada pertandingan ini. Juri bagi pertandingan ini terdiri daripada tenaga pengajar Fakulti Pengurusan Hotel dan Pelancongan (FPHP); Dr Norhamizan Hamir dan En Ashraf Siddik Khan Abdul Rahim Siddiqe serta Cik Nur Shazwani Izzati Jamizan yang merupakan seorang Barista di kafe He & She. Peserta diberikan 15 minit dan perlu menyediakan dua minuman (sejuk dan panas) berasaskan kopi. Kriteria yang dinilai ialah teknik penyediaan kopi, teknik pembuihan susu, kebersihan dan keseragaman corak kopi 'latte'.



### Events Highlights

Pertandingan ini menawarkan hadiah wang tunai dan pingat kepada pemenang. Pertandingan ini dirasmikan oleh Puan Sharliza Wahab, Ketua Penolong Pegawai Tanah & Daerah Seberang Perai Tengah mewakili Ketua Pegawai Tanah dan Daerah Seberang Perai Tengah. Beliau turut sudi menyampaikan hadiah kepada pemenang pertandingan tersebut. Kami mengambil kesempatan ini mengucapkan tahniah kepada En. Nazaruddin Muhammad, En. Muhd Azmi Muhd Salleh dan Puan Sariza Zainul yang telah diangkat sebagai pemenang pertandingan ini.



Read More On

<https://anyflip.com/homepage/oistf>  
[https://is.gd/fphpnewsletter\\_penanguitm](https://is.gd/fphpnewsletter_penanguitm)

Faculty of Hotel & Tourism Management  
 Universiti Teknologi MARA  
 Cawangan Pulau Pinang  
 Permatang Pauh Campus  
 13500 Permatang Pauh  
 PENANG  
 Tel:04 3823888/fax:04 3823681



**HOT & TOUR NEWSLETTER**  
**NOV. VOL. 2/2023**

ISSN 2231-7422